



BAR

DUA

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN DAN PENULISAN BERKAITAN.

2.0 Pengenalan.

Bahasa bukanlah suatu perkara yang diwarisi sejak lahir, tetapi ianya dipelajari sama ada disadari atau tidak. Proses pembelajaran ini boleh berlaku secara formal atau tidak formal. Sejak dari lahir lagi proses pembelajaran bahasa berlaku secara tidak langsung melalui cara mendengar percakapan orang lain. Walaupun manusia telah dianugerahkan dengan kemampuan untuk berbahasa, tetapi sekiranya tidak melalui proses pembelajaran, maka sukarlah untuk mengujarkan bunyi-bunyi bahasa tersebut.

Menurut kepercayaan Islam, manusia pertama yang dijadikan Allah iaitu nabi Adam a.s telah diajar oleh Allah s.w.t. untuk berbahasa, sebagaimana firmanNya:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (البقرة 31)

Terjemahannya : *Dan Dia telah mengajarkan nabi Adam a.s. akan segala nama benda-benda seluruhnya, kemudian dibawa benda-benda itu kepada malaikat seraya berfirman: terangkanlah kepada Aku nama benda-benda ini semuanya, jika kamu dari golongan yang benar.*

(surah: al-Baqarah ayat : 31)

Di negara kita Malaysia, proses pembelajaran bahasa Arab telah berkembang dari semasa ke semasa. Pembelajaran bahasa Arab mula diajar dengan lebih tersusun melalui sistem pondok dalam abad ke 19, kemudian ianya terus berkembang sehingga sekarang melalui sistem persekolahan sama ada ditadbir secara langsung oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Agama Islam atau sekolah yang ditubuhkan secara persendirian. Walaupun tumpuan dan kemampuan pihak-pihak yang terlibat adalah berbeza, namun matlamat utama pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu.

2.1 Pandangan Sarjana Terhadap Pemerolehan Bahasa Dan Perkembangannya.

Seseorang bayi apabila dilahirkan sahaja ke dunia ini, turut bersama-samanya beberapa alat fizikal yang sesuai untuk memperoleh bahasa. Walaupun ia memulakan hidup tanpa bahasa tetapi pemerolehan bahasa itu berlaku sedikit demi sedikit dan berperingkat-peringkat mengikut perkembangan otaknya, iaitu sebagai hasil perkembangan fizikal anak itu sendiri.

Kenyataan ini telah pun diutarakan oleh al-Quran melalui firman Allah yang berbunyi ;

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ
السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ (النحل 78)

Maksudnya; *Dan Allah mengeluarkan (melahirkan) kamu dari perut ibu kamu dalam keadaan kamu tidak mengetahui sesuatu apa pun, dan Allah jadikan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati, mudah-mudahan kamu bersyukur.*

(surah : an-Nahl ayat : 78)

Dalam tafsir al-Quran ‘Abrul ‘thīr (عَبْرُ الْاُنْيُسِ), pengarangnya menjelaskan bahawa manusia itu pada permulaan ia dilahirkan oleh ibunya, ia tidak mengetahui sesuatu apa pun. Bererti dia tidak ada pengetahuan walau sedikit pun, malah tidak mempunyai pengalaman langsung. Lalu dikurniakan bersamanya beberapa pancaindera, untuk melengkapkan dirinya supaya menjadi manusia yang cukup sempurna bentuk dan sifatnya. Di antara pancaindera yang sangat penting itu ialah pendengaran, penglihatan dan hati (akal). Pancaindera ini penting untuk umat manusia mencapai segala kemajuan dan ianya dapat memindahkan manusia dari alam kejahilan kepada alam pengetahuan (Ahmad Sonhadji Mohamad - jld.1- 1990 : 173 – 176).

Menurut pandangan Noam Chomsky (1957) pula, setiap individu itu dilahirkan dengan kebolehan semulajadi (*innate*) dan ia berupaya menjadikannya kenyataan. Misalnya bagi seseorang pelajar, melalui kebolehan semulajadi ini, ia mampu menghasilkan seberapa banyak ayat yang belum pernah didengarinya. (dalam *Jamaliah Mohd.Ali 1990 :335*)

Sehubungan dengan ini, Chomsky memperkenalkan satu teori linguistik yang diberi nama *Transformational Grammar (TG)*. Menurut teori ini, kanak-kanak mempunyai *Language Acquisition Device (LAD)* sejak lahir dan ini telah memungkinkan si anak itu memperolehi bahasa

ibundanya dengan mudah. Dengan LAD ini, kanak-kanak dapat memilih bentuk-bentuk yang diterima dalam bahasa itu dan menolak bentuk-bentuk yang bukan struktur bahasa berkenaan (*dalam Kamarudin Hj. Husin 1998 : 17*).

Dalam membicarakan bahasa, tidak kira dari sudut pandangan mana sekali pun, pengetahuan bahasa terdiri dari dua komponen yang penting iaitu :

i. Kemahiran berbahasa / tatabahasa

Kemahiran ini merujuk kepada peraturan-peraturan atau cara menyusun pelbagai unsur dalam sesuatu bahasa, agar bersesuaian dengan kaedah penyusunannya secara sintagmatik.

ii. Kemahiran berkomunikasi / kecekapan berbahasa.

Kecekapan berbahasa pula merujuk kepada pemahaman para pengguna bahasa tentang pelbagai kekangan sosial yang wujud dalam pelbagai wacana atau situasi berbahasa. Dengan kata lain, kecekapan berbahasa merupakan kebolehan para pengguna bahasa memilih dan menggunakan unsur-unsur bahasa dengan betul dan bersesuaian dengan keadaan bagi memungkinkan pelbagai tujuan komunikasi mendapat kesan yang diharapkan. Kecekapan berbahasa ini juga merujuk kepada kebolehan para pengguna bahasa untuk menyusun pelbagai unsur bahasa secara wajar menurut para digmatik. (*Zulkifley Hamid 1996 :1*)

Dalam peringkat menguasai sesuatu bahasa, sama ada bahasa pertama ataupun bahasa kedua, seseorang itu tidak akan terlepas dari dua proses yang penting, iaitu sama ada proses "*pemerolehan bahasa*" (*language acquisition*) atau proses "*pembelajaran bahasa*" (*language learning*) atau kedua-duanya.

Pemerolehan bahasa (language acquisition) ialah proses-proses yang berlaku di dalam otak seorang kanak-kanak (bayi) sewaktu memperolehi bahasa ibundanya. *Pembelajaran bahasa (language learning)* pula, ialah berkaitan dengan proses-proses yang berlaku pada waktu seseorang itu mempelajari bahasa baru selepas dia selesai memperolehi bahasa ibundanya. Jadi, sebagai kesimpulannya *pemerolehan bahasa* melibatkan bahasa pertama manakala *pembelajaran bahasa* pula melibatkan bahasa kedua atau bahasa asing. (*Mangantar Simanjuntak - 1987: 157*)

Terdapat berbagai-bagai strategi dalam proses pemerolehan bahasa pertama yang dapat digunakan sebagai landasan untuk diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua. Pembelajaran bahasa kedua bermula apabila proses pembesaran itu telah pun sempurna. Ini bermakna seseorang itu telah pun menjadi ahli sesuatu golongan masyarakat dan telah pun dipengaruhi dengan norma-norma sosial masyarakat tersebut. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa bahasa kedua itu lazimnya dipelajari apabila seseorang itu sudah mahir dalam bahasa pertamanya (*Jamaliah Mohd.Ali 1991 : 60*).

Dalam pemerolehan bahasa kedua, pembelajarannya biasanya melibatkan proses yang berlaku secara sedar (*conscious*) melalui pengajaran sama ada formal atau tidak formal.

Selain daripada pembelajaran yang melibatkan proses yang berlaku secara sedar, Jamali Ismail 1991 dalam kajiannya mengenai "*Pendedahan dan pencapaian dalam pembelajaran bahasa dengan rujukan khas kepada pembelajaran bahasa kedua*" telah meletakkan satu lagi syarat untuk pemerolehan bahasa pertama dan pembelajaran bahasa kedua. Syarat tersebut ialah "*pendedahan*", sekiranya kanak-kanak terdedah kepada bahasa kedua sama sebagaimana ia terdedah kepada bahasa pertama, maka kejayaan besar mungkin akan dicapai dalam proses pembelajaran bahasa kedua itu. Malangnya pelajar bahasa kedua jarang-jarang terdedah kepada persekitaran linguistik bahasa kedua sebagaimana halnya dengan pemerolehan bahasa pertama, melainkan kepada butiran bahasa yang digred dengan teliti dan disampaikan sedikit demi sedikit dalam masa hanya beberapa jam seminggu. Pendedahan ini kebanyakannya berlaku dalam bilik darjah sahaja. (*Jamali Ismail 1991 : 995*).

Pembelajaran bahasa kedua biasanya dilakukan kerana objektif-objektif yang tertentu. Pelajar bukan sahaja dikehendaki mempelajari dan menguasai makna serta perkataan-perkataan baru, malahan mereka perlu memahami cara-cara ianya berfungsi di dalam bahasa tersebut. Mereka juga perlu mempelajari bagaimana bahasa tersebut dapat digunakan di luar bilik darjah. Guru-guru bahasa perlu merangka kaedah pengajaran yang sesuai serta dapat membuat ramalan di mana dan dengan siapakah pelajar akan menggunakan bahasa tersebut semasa di luar bilik darjah. Tetapi permasalahannya, dalam pengajaran bahasa kedua, kita dapati guru lebih menumpukan perhatian terhadap melengkapkan pelajar-pelajar mereka dengan bahasa yang dianggap mempunyai nilai praktiknya untuk masa hadapan. Mereka mengeneppikan faktor semasa, iaitu pelajar memerlukan bahasa tersebut untuk berkomunikasi pada masa itu juga. Oleh itu

sebarang strategi pengajaran yang diambil haruslah bermula daripada keperluan utama pelajar tersebut untuk berfungsi dan berkomunikasi pada waktu itu. (*Jamaliah Mohd.Ali-1991 : 62*)

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua, seringkali kita dapati pengalaman pelajar hanya terhad kepada rakan-rakan dan guru darjahnya sahaja. Adalah perlu dinyatakan di sini bahawa suasana percakapan dan interaksi yang formal di kelas, tidak banyak memberi peluang kepada pelajar untuk menghasilkan bahasa yang fleksibel (*anjal*). Walaupun begitu, kadang-kadang dapat diperhatikan pelajar bahasa kedua berupaya menyesuaikan bahasanya apabila bertemu dengan pengguna bahasa tersebut (*native speakers*). Apabila mereka didedahkan kepada budaya bahasa tersebut secara spontan, mereka akan memindahkan sifat keanjalan (*fleksibiliti*) yang telah dimiliki dari bahasa pertama kepada bahasa kedua. Reaksi ini jelas menampakkan implikasi tentang corak pengajaran yang patut diamalkan oleh guru. Pelajar bahasa kedua patut digalakkan memindah pengetahuan yang diperolehinya daripada bahasa pertama iaitu yang berkaitan dengan keanjalan situasi, kepada bahasa kedua melalui teknik lakonan peranan (*role-play*). Selain daripada itu guru juga perlu memaparkan dan membentangkan beraneka jenis kemahiran berbahasa supaya keanjalan bahasa yang ada pada pelajar dapat diperluaskan, bukan hanya terhad pada satu jenis bahasa sahaja, iaitu bahasa bilik darjah. Dengan cara ini, barulah guru dapat meningkatkan kemahiran bahasa pelajar kepada tahap penguasaan yang lebih baik dan sempurna (*ibid : 63*).

Jamaliah Mohd.Ali (1991) dalam analisisnya mengenai *Proses Pemerolehan Bahasa Pertama (Ibunda) Dan Pembelajaran Bahasa Kedua*, telah memberi saranan kepada guru-guru bahasa kedua, iaitu :

- i) teknik pengajaran serta bahan-bahan yang digunakan haruslah mengambil kira berbagai-bagai jenis 'pembatasan mental' yang wujud di kalangan pelajar. Misalnya, panjangnya ayat-ayat yang akan diajar haruslah diselaraskan dengan jangka ingatan yang ada pada pelajar.
- ii) kesilapan yang dibuat oleh pelajar boleh dijadikan sebagai landasan atau panduan tentang bagaimana sesuatu bahasa itu dipelajari dan diperolehi serta apakah strategi-strategi atau prosedur yang digunakan dalam memahami dan mendalaminya.
- iii) kesilapan pelajar adalah sangat berguna kepada pelajar itu sendiri, kerana kesilapan yang berlaku itu, boleh dianggap sebagai petunjuk untuk digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran. Kesilapan adalah salah satu strategi yang sering dilakukan oleh pelajar bahasa pertama dan juga bahasa kedua.
- iv) guru harus diingatkan bahawa mereka tidak dapat mengajar bahasa, tetapi hanya dapat mewujudkan keadaan di mana bahasa dapat berkembang secara spontan dalam alam pemikiran seseorang dengan cara tersendiri. Dalam pada itu, guru hanya dapat mewujudkan suasana yang unggul apabila

sudah memahami dengan meluas dan mendalam cara-cara seseorang itu belajar. Bertolak dari sini, barulah guru dapat menggunakan strategi-strategi yang berasaskan naluri yang dimiliki oleh pelajar sebagai landasan untuk membentuk dan membantu pengajaran serta mengubah sukatan pelajaran. (Jamaliah Mohd.Ali -1991 : 66-67).

2.2 Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Perbendaharaan Kata Bahasa Arab

Kejayaan sesuatu pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada tiga elemen penting iaitu guru, pelajar dan bahan. Guru hendaklah kreatif, berdaya usaha dan berinovasi. Sementara pelajar pula perlu berusaha dan berminat serta bahan yang digunakan itu hendaklah sesuai dan boleh mendorong ke arah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran itu. Walau bagaimanapun tenaga penggerak mestilah datang dari guru itu sendiri. (*Strategi Pengajaran dan pembelajaran Mendengar Dan Bertutur - Kursus Kaki Tangan Sumber Mata Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Dua 1993: 7*)

Dalam pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata bahasa Arab terdapat dua perkara penting yang harus diberi perhatian, (*Hassan Basri A. Mat Dahan - 1994 : 52*) iaitu :

- i. pemilihan perkataan.
- ii. kaedah pengajaran.

Mengikut Dr. ⁶Abdul Rahmān Musa Abū Bakar (1991 : 117-132) pula, dalam kaedah pengajaran perbendaharaan kata, pendidik haruslah memberi penekanan kepada 4 perkara yang penting iaitu:

- i. asas pemilihan perkataan / perbendaharaan kata
- ii. cara menerangkan makna perkataan / perbendaharaan kata
- iii. pendekatan / kaedah pengajaran.
- iv. latihan.

Di dalam kajian ini, penulis akan mengemukakan pandangan sarjana mengenai asas pemilihan perkataan, cara menerangkan makna perkataan dan kaedah pengajaran, kerana ia berkait rapat dengan bidang kajian penulis.

2.2.1 Asas Pemilihan Perkataan / Perbendaharaan Kata

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata, pemilihan perkataan merupakan asas yang terpenting kerana kelemahan pelajar dalam bidang penulisan, pertuturan dan pembacaan adalah berpunca daripada kelemahan mereka menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab. (*Hassan Basri A. Mat Dahan - 1994 : 51*).

Untuk tujuan tersebut, pada tahun 1991, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia telah meletakkan sasaran penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab bagi pelajar-pelajar tingkatan satu, dua dan tiga iaitu sebanyak **2,300** patah perkataan. Perbendaharaan kata tersebut ialah perbendaharaan kata yang sering

digunakan secara meluas, mempunyai persamaan dengan perkataan bahasa Melayu, dan berkaitan dengan kebudayaan dan agama Islam. Perkataan-perkataan ini merupakan perkataan yang terdapat dalam bahasa standard (*fushah*), bukannya daripada bahasa pasar. (*Al-^cArabiyyah – Murshidul Mu^calim 1991:45*)

Rushdi Ahmad Tā^cimah dalam bukunya *T^calim al-^cArabiyyah Lighairi al-Nātiqīna Bihā, Manāhijuhū wa Asālibuhū* - 1989 : 195, telah meletakkan asas dalam pemilihan perbendaharaan kata. Asas-asas tersebut ialah:

- i. perkataan yang luas penggunaannya – *frequency* – iaitu mengutamakan perkataan yang luas kegunaannya berbanding dengan perkataan lain.
- ii. perkataan yang digunakan di kebanyakan negara-negara Arab – *range* – iaitu mengutamakan perkataan yang digunakan di kebanyakan negara Arab berbanding dengan perkataan yang hanya digunakan di sebuah negara sahaja.
- iii. perkataan yang amat diperlukan oleh individu – *availability* – iaitu perkataan yang digunakan dalam lapangan-lapangan tertentu seperti makanan, keluarga, sekolah, dan sebagainya.
- iv. perkataan yang biasa digunakan – *familiarity* – iaitu perkataan yang sering digunakan dalam percakapan harian berbanding dengan perkataan yang jarang digunakan seperti شَمْسٌ (matahari), berbanding dengan perkataan ذُكَاةٌ (matahari) walaupun sama maknanya.

- v. perkataan yang boleh digunakan dalam pelbagai bidang – *coverage* – seperti perkataan **بَيْتٌ** (rumah) lebih baik penggunaannya berbanding dengan perkataan **مَنْزِلٌ** (rumah). Perkataan **بَيْتٌ** (rumah) boleh digunakan dalam pelbagai bidang seperti **بَيْتِي** rumah saya, **بَيْتُ اللَّهِ** rumah Allah , **بَيْتُ الْقَصِيدِ** rangkap syair, **بَيْتُ الطَّلِيَةِ** asrama dan sebagainya.
- vi. perkataan yang banyak kepentingannya di kalangan pelajar seperti peralatan sekolah dan sebagainya.
- vii. perkataan Arab – mengutamakan perkataan Arab berbanding dengan perkataan lain seperti **(الْهَاتِفُ)** menggantikan perkataan **(التِّلْفُونُ)** untuk telefon, **(الْمِذْيَابُ)** menggantikan perkataan **(الرَّادِيُو)** bagi radio dan sekiranya perkataan itu tidak terdapat istilah atau perkataan Arabnya, maka hendaklah digunakan perkataan yang diArabkan seperti **(التِّلْفَازُ)** berbanding dengan **(التِّلْفِيزْيُونُ)** untuk televisyen.

2.2.2 Cara Menerangkan Makna Perkataan.

Para pendidik juga perlu pandai menerangkan makna perkataan, agar proses pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata bahasa Arab dapat memberi kesan yang mendalam kepada pelajar. Dr. Rushdi Ahmad Tā'imah (1989 : 198) telah mengemukakan beberapa cadangan kepada pendidik mengenai cara atau kaedah menerangkan makna perkataan. Cara-cara tersebut ialah :

- i. mengemukakan contoh yang dapat menerangkan makna perkataan, seperti menunjukkan *sebatang pen* untuk menerangkan perkataan قَلَمٌ (pen).
- ii. menerangkan makna melalui lakonan – *dramatization* – seperti guru membuka pintu untuk menerangkan makna أَفْتَحُ الْبَابَ (saya sedang membuka pintu)
- iii. menerangkan makna melalui main peranan – *role playing* – seperti guru berperanan sebagai pesakit yang memerlukan rawatan.
- iv. memberi perkataan yang berlawanan – *antonyms* – seperti perkataan خَرَجَ (keluar) lawannya دَخَلَ (masuk).
- v. memberi perkataan yang seerti – *synonyms* – seperti perkataan بَيْتٌ (rumah) sama ertinya dengan perkataan مَنْزِلٌ (rumah).
- vi. menerangkan makna melalui rangkaian makna – *association* – seperti perkataan عَائِلَةٌ (keluarga), mengandungi perkataan أَبٌ (bapa), أُمٌّ (ibu), زَوْجٌ (suami), زَوْجَةٌ (isteri) dan sebagainya.
- vii. menerangkan makna perkataan dengan cara menghuraikan maksud perkataan.
- viii. mencari makna perkataan dengan menggunakan kamus.
- ix. menerangkan makna perkataan dengan menggunakan bahasa perantaraan – *intermediate language* .

Dr. Ahmad Mahmood Musanif (1999 : 26-29) dalam artikelnya yang bertajuk *Semantik dan Tatabahasa*, mengemukakan beberapa cara lagi untuk menerangkan makna, antaranya;

- i. *Homograf* – merupakan istilah untuk dua perkataan yang mempunyai persamaan dari segi ejaan tetapi berbeza bunyi dan maknanya, seperti رَجُلٌ (seorang lelaki) dengan رِجْلٌ kaki.
- ii. *Homofon* – iaitu dua perkataan yang bunyi sebutannya hampir sama tetapi berbeza ejaan dan maknanya, seperti (قَلْبٌ) dengan huruf *qaf* memberi makna “hati”, dengan (كَلْبٌ) dengan huruf *kaf* memberi makna “anjing”.
- iii. *Hiponim* – makna pengelompokan – iaitu perkataan-perkataan yang mempunyai hubungan makna inklusif atau pengelompokan dalam satu jenis himpunan golongan perkataan, seperti ;



- iv. *Polisem* – iaitu suatu perkataan atau frasa yang mendukung dua atau pun lebih makna yang berbeza-beza. Dari segi bentuk dan ejaannya serupa tetapi berbeza maknanya berdasarkan konteks yang berlainan. Makna sesuatu

perkataan sebenarnya tidak ditentukan oleh perkataan itu semata-mata, tetapi bergantung juga kepada perkataan itu di dalam konteks ayat.

2.2.3 Pendekatan / kaedah pengajaran.

Dalam memilih kaedah pengajaran bahasa yang berkesan, terdapat berbagai-bagai kaedah pengajaran bahasa kedua yang telah dibuat oleh para sarjana sejak zaman silam lagi. Mengikut Raja Mukhtaruddin B. Raja Mohd.Dain dalam bukunya "*Kaedah Dan Teknik Mengajar Bahasa Dengan Rujukan Khusus Kepada Pengajaran Bahasa Melayu*", di antara kaedah-kaedah pengajaran bahasa yang sesuai untuk pengajaran perbendaharaan kata adalah seperti berikut: (1979 / 80 : 30-38)

i. Kaedah Terus

Kaedah Terus ialah kaedah pengajaran bahasa kedua yang terulung, paling dikenali dan paling kontroversi. Prinsip utama kaedah ini ialah membolehkan pelajar menguasai keempat-empat kemahiran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis secara berkesan dan dapat menggunakan bahasa tersebut dalam masyarakat berkenaan. Pengajarannya dikaitkan dengan pengalaman yang sedia ada.

Ciri-ciri utamanya ialah:

- bahasa ibunda pelajar tidak digunakan dalam mempelajari bahasa sasaran yang ingin diajar.

- menggunakan perbendaharaan kata dan struktur bahasa yang digunakan sehari-hari.
- perkataan dihubungkan secara langsung dengan benda.
- pengajaran perbendaharaan kata dan tatabahasa secara lisan.
- memperbanyakkan latihan mendengar dan mengajuk sehingga bentuk-bentuk bahasa dapat digunakan secara terus.
- beberapa minggu yang pertama dikhususkan untuk latihan sebutan.
- semua bahan bacaan pada peringkat permulaannya disampaikan secara lisan.

ii. Kaedah Semulajadi.

Kaedah ini sama dengan Kaedah Terus dari segi ianya dimulakan dengan soalan-soalan mengenai objek dan gambar. Namun, kaedah ini tidak menggunakan bahasa ibunda dan terjemahan, guru dan pelajar bercerita dengan menggunakan bahasa kedua. Perkataan-perkataan baru diterangkan maknanya dengan menggunakan perkataan-perkataan yang telah diketahui oleh pelajar. Kamus digunakan untuk mengingat kembali perkataan-perkataan yang hampir terlupa. Pendekatan ini melihat bahasa sebagai satu alat untuk menghubungkan makna dan masej. Penguasaan bahasa hanya akan berlaku apabila seseorang itu memahami masej dalam bahasa sasaran.

Susunan pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut; mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Manakala tatabahasa digunakan untuk memperbetulkan kesalahan pelajar.

iii. Kaedah Psikologi

Kaedah ini juga mempunyai persamaan dengan Kaedah Terus. Ianya berdasarkan kepada penggambaran fiikiran dan asosiasi idea. Perbendaharaan kata disusun dalam kumpulan yang mengandungi ayat-ayat pendek yang berkaitan dengan tajuk yang disampaikan. Kaedah ini mementingkan bahan bantu mengajar untuk memudahkan pembelajaran. Bahan bantu mengajar seperti objek, diagram, gambar dan carta digunakan untuk membantu mewujudkan gambaran mental dan menghubungkannya dengan bahan yang hendak diajar. Pengajaran pada mulanya bersifat lisan, kemudian sebahagian daripadanya berdasarkan buku. Selepas beberapa pelajaran yang pertama, mengarang diperkenalkan.

Kaedah ini tidak menghalang penggunaan bahasa ibunda, malah ia boleh digunakan jika perlu. Tatabahasa diperkenalkan sejak awal lagi.

iv. Kaedah Fonetik.

Kaedah ini dikenali juga dengan Kaedah Reform atau Kaedah Lisan. Ia dimulakan dengan latihan mendengar, kemudian bergerak ke latihan sebutan menurut susunan: dari bunyi ke perkataan, kemudian ke rangkai kata dan seterusnya ayat. Semua ini kemudiannya digabungkan menjadi dialog dan cerita.

Tatabahasa disampaikan secara induktif dan karangan merupakan pengeluaran semula bahan-bahan yang telah didengar dan dibaca.

v. *Kaedah Membaca.*

Kaedah ini diadakan untuk kegunaan sekolah-sekolah yang bertujuan untuk memberi pengetahuan membaca dalam bahasa kedua kepada pelajar. Teks dibahagikan kepada bentuk-bentuk yang pendek, tiap-tiap satunya didahului dengan satu senarai perkataan yang akan diajar melalui terjemahan atau gambar-gambar. Setelah mencapai ke suatu peringkat perbendaharaan kata, bahan-bahan bacaan tambahan diperkenalkan, dengan tujuan membolehkan pelajar menguasai perbendaharaan kata dengan sebaik-baiknya.

vi. *Kaedah Nahu Terjemahan.*

Kaedah ini adalah kombinasi di antara aktiviti tatabahasa dan terjemahan. Pengajaran bermula dengan aturan-aturan tatabahasa, perkataan-perkataan yang berasingan, paradigma dan terjemahan. Perbendaharaan kata yang diajar bergantung kepada buku teks yang dipilih. Perbendaharaan kata dibahagikan kepada senarai perkataan untuk dihafal. Begitu juga dengan tatabahasa, aturan-aturannya dan contoh-contoh ayatnya dihafal.

Melalui kaedah ini, sebutan tidak diajar, ia hanya dihadkan kepada nota pendahuluan sahaja.

vii. Kaedah Eklektif

Kaedah Eklektif ialah kaedah yang menggabungkan segala ciri yang baik dalam pengajaran bahasa yang terdapat dalam kaedah-kaedah lain. Guru boleh menggunakan usaha dan daya kreatif mereka sendiri. Mereka bebas mengajar mengikut kebolehan dan kemampuan pelajar. Pada peringkat asas pengajaran, guru boleh menjalankannya dengan latihan mendengar kemudian diikuti dengan bertutur dan seterusnya membaca.

viii. Kaedah Kawalan Bahasa

Kaedah ini digunakan untuk kawalan terhadap penggunaan perbendaharaan kata dan struktur bahasa. Makna perkataan diajar melalui perlakuan-perlakuan, gambar-gambar yang terkawal dan melalui objek-objek serta bahan yang dapat dilihat.

ix. Kaedah Kod Kognitif.

Kaedah ini berasaskan pendapat golongan mentalis yang memandang bahasa sebagai satu kreativiti mental. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, kaedah ini menekankan bentuk dan makna. Seseorang yang ingin mempelajari sesuatu bahasa, mereka harus mengetahui sistem bahasa dan norma-norma tertentu dalam ilmu tatabahasa. Dengan adanya pengetahuan yang sedemikian, barulah seseorang itu dapat mempelajari bahasa itu dengan berkesan.

x. *Kaedah Mengajuk – Menghafaz.*

Mengikut kaedah ini pengajaran dibahagikan kepada demonstrasi dan latih tubi. Pengajaran secara demonstrasi oleh guru harus berkaitan dengan tatabahasa, sebutan dan perbendaharaan kata melalui seorang guru atau seorang penutur asal bahasa itu. Dalam pelajaran-pelajaran yang mengandungi latih tubi, guru atau penutur asal itu membaca beberapa ayat di dalam kelas. Setelah mendengarnya beberapa kali, pelajar mengajuknya berulang kali sehingga ayat itu separuh terhafal.

Tatabahasa diajar secara menghafaz beberapa ayat contoh melalui ajukan. Makna diberi dengan menggunakan bahasa ibunda. Setelah pelajar memahami ayat-ayat contoh tersebut, barulah mereka didedahkan dengan bahasa sasaran.

Guru hendaklah menyediakan banyak latihan, sebagai contoh, latihan dalam pertuturan, mereka hendaklah menyediakan latihan bercakap, karangan-karangan lisan, latihan cara menyebut sesuatu perkataan, menyebut dengan betul tiap-tiap bunyi dalam bahasa sasaran dan tahu menggunakannya dalam bentuk ayat yang betul.

xi. *Kaedah Dua Bahasa*

Kaedah ini diasaskan kepada persamaan dan perbezaan di antara bahasa pertama dan bahasa kedua. Persamaan dan perbezaan ini bukan hanya terhad kepada perbendaharaan kata tetapi termasuk juga bunyi, bentuk dan sintaksis kedua-dua bahasa itu. Bahasa pertama itu digunakan untuk menerangkan perbezaan-perbezaan fonetik, tatabahasa dan perbendaharaan kata.

xii. Permainan bahasa.

Selain daripada kaedah-kaedah yang dikemukakan di atas, guru bahasa juga harus mencipta dan mencari pelbagai bentuk dan strategi pengajaran yang menarik, supaya proses pembelajaran berlaku secara berkesan di dalam bilik darjah.

Guru juga haruslah mampu mengekalkan minat dan meningkatkan motivasi pelajar serta membuatkan mereka sentiasa berkeinginan untuk belajar. Ini adalah kerana pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses yang aktif dan berterusan.

Oleh yang demikian, guru haruslah merancang strategi untuk mengatasi masalah ini. Salah satu daripada aktiviti yang boleh dijalankan dalam pengajaran bahasa ialah permainan bahasa.

Permainan bahasa adalah pilihan yang paling praktikal dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, kerana ia akan menggalakkan penglibatan pelajar, memupuk semangat, meningkatkan minat dan sikap positif pelajar terhadap pembelajaran. Ia juga boleh dijadikan sebagai alat aplikasi kemahiran-kemahiran yang cuba dikuasai pelajar.

Permainan bahasa juga dapat menggalakkan komunikasi antara pelajar dengan menyediakan peluang bercakap antara satu sama lain. Dalam suasana bermain, mereka sebenarnya belajar. (*Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Bt. Abdul Aziz -1996 : 1-4*)

2.3 Kajian Sarjana Tentang Buku Teks.

Banyak kajian telah dibuat berkenaan fungsi dan sumbangan buku teks, terutamanya keberkesanan dan pengaruhnya terhadap pengajaran dan pembelajaran pelajar. Bagaimanapun, buku teks secara spesifik mempunyai empat fungsi utama, iaitu:

Pertama, buku teks adalah alat penting, baik untuk guru mahupun pelajar. Buku teks dapat membantu guru dari beberapa segi;

- ia mengandungi bahan pengajaran mengikut susunan tertentu.
- ia menstruktur dan mengatur pengalaman pembelajaran.
- ia membantu guru-guru untuk merancang tugas pengajaran setiap hari.
- ia memberikan bahan dan latihan untuk guru menguji kebolehan pelajar.

Bagi pelajar, buku teks yang dibawa dari sekolah ke rumah, merupakan rekod tentang apa yang dipelajari pada hari itu, esok ataupun keseluruhan tahun persekolahan.

Kedua, buku teks juga berfungsi sebagai sumber atau rujukan maklumat kepada guru dan pelajar.

Ketiga, buku teks juga dapat memberi jalinan antara apa yang dipelajari di sekolah dengan keadaan di dunia luar. Melalui buku teks, pelajar akan dapat menghubungkan dirinya dengan dunia luar, iaitu dunia yang dianggap asing baginya.

Keempat, buku teks menjadi pengukur perkembangan sistem pendidikan sesebuah negara. Buku teks, dari segi kualiti, persembahan dan keadaan fizikal, penggunaan kertas serta ilmu yang dipersembahkan di dalamnya boleh dijadikan sebagai ukuran kemajuan dan perkembangan sistem pendidikan sesebuah negara. Buku teks yang tinggi mutunya, boleh menggambarkan bahawa negara tersebut telah sanggup memberi pelaburan yang tinggi untuk sistem pendidikan. Sebaliknya, mutu buku teks yang rendah, akan menggambarkan bahawa tahap ilmu dan pelaburan pendidikan di sesebuah negara itu adalah rendah. (*Dato' Dr. Abdul Shukur b. Abdullah & Yunus b. Muhamad-1990:13*)

Satu kajian yang telah dibuat oleh Md Yusnan bin Hj Yusof (1999 : 8-11) Jabatan Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa melalui kertas kerjanya yang bertajuk *Kajian Dan Penilaian Ke Atas Buku "Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu" Di Sekolah-sekolah Menengah Malaysia* menyatakan bahawa kandungan buku teks ini kurang memberi penekanan kepada perbendaharaan kata, perkataan seerti dan perkataan berlawanan, tidak ada penekanan terhadap ilmu tatabahasa, tidak disebutkan nama-nama bahan rujukan dan buku-buku untuk bacaan tambahan, tidak ada bahan bantuan untuk membantu pelajar bagi pembelajaran sendiri, penggunaan sesetengah perkataan yang tidak mempunyai erti dalam pengajaran sebutan perkataan dan tidak terdapat ayat-ayat al-Quran atau Hadis-hadis.

Setiap buku perlu menyenaraikan bahan-bahan rujukan untuk bacaan tambahan yang boleh membantu pelajar untuk pembelajaran sendiri dan ini akan berupaya mengurangkan beban guru. Penekanan

kepada penambahan perbendaharaan kata bagi perkataan seerti dan berlawanan serta memperkenalkan tatabahasa secara mudah selepas lima pelajaran yang pertama juga perlu dititik beratkan. Mengemukakan teks al-Quran dan Hadis-hadis yang terpilih juga amat perlu kerana ia merupakan objektif khas daripada pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab komunikasi, sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. (*ibid* : 9)

Beliau telah membuat kesimpulan bahawa memandangkan peranan buku teks adalah amat besar dalam menentukan penguasaan pelajar terhadap kurikulum yang dirancang oleh pihak berwajib, sewajarnya setiap pihak yang mengambil amanah penulisan, penyemakan, penjagaan mutu dan penerbitan memaksimakan segala usaha mereka untuk memastikan setiap hasil dapat dicernakan dalam bentuk yang terbaik (*ibid* 11).

2.4 Kajian Tempatan Berkaitan Dengan Penguasaan Bahasa Arab

Terdapat beberapa kajian yang telah dibuat oleh penyelidik tempatan yang berkaitan dengan penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar.

Hamzah bin Hassan (1997) dalam kajian disertasinya *Perbandingan Pengajaran Bahasa Arab Tinggi Dan Bahasa Arab Komunikasi – Satu Kajian Di Sekolah Menengah Arab*, telah mengemukakan beberapa masalah yang membelenggu pelajar untuk menguasai bahasa Arab. Di antara masalah tersebut ialah:

- i. kurang mempraktikkan pertuturan bahasa Arab.
- ii. kurang membiasakan diri dengan perbendaharaan kata bahasa Arab.
- iii. kurang latihan dan membuat hafalan.
- iv. tidak mahir dalam kaedah qawaid / tatabahasa.
- v. kurang perbendaharaan kata bahasa Arab.
- vi. kurang mahir dalam membuat / bina ayat.

Rosmiza binti Mohammad (1998), dalam disertasinya "*Kemahiran Pengajaran Bahasa Arab – Satu Kajian Di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Kelantan*", telah menyenaraikan faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada pelajar untuk menguasai kemahiran bahasa Arab. Faktor-faktor tersebut ialah:

- i. kekurangan Bahan Bantu Mengajar.
- ii. salah tanggapan di kalangan pelajar yang merasakan bahawa bahasa Arab tidak penting setelah tamat pengajian.
- iii. kekurangan bahan bacaan dan rujukan dalam bahasa Arab di sekolah atau di pasaran.
- iv. masa belajar tidak mencukupi untuk pelajar-pelajar menguasai kemahiran-kemahiran bahasa Arab dengan baik.
- v. tiada dorongan daripada ibubapa.

- vi. persekitaran yang tidak mendorong pelajar untuk menggunakan bahasa Arab.

Ismail B. Muda (1999) telah membuat kajian tentang "*Penguasaan Bahasa Arab Di kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa, Kelantan*". Beliau telah membuat kajian untuk mengenalpasti:

- a) masalah pelajar kelas bahasa Arab peringkat PMR.
- b) faktor-faktor yang mempengaruhi alam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah.
- c) kebolehan dan penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar.
- d) keberkesanan pendekatan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
- e) pengaruh dalaman dan luaran terhadap penguasaan bahasa Arab.

Hasil dari kajian tersebut, beliau mengemukakan beberapa faktor kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab. Faktor-faktor tersebut ialah:

- i. pelajar lemah dalam penulisan jawi dan al-Quran.
- ii. kurangnya minat pelajar terhadap bahasa Arab.
- iii. pelajar beranggapan bahasa Arab tidak penting.

- iv. tempoh masa belajar bahasa Arab tidak sama dengan bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris bermula dari darjah satu – sekolah rendah.
- v. kelemahan pelajar menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab dan struktur ayat.
- vi. kekurangan guru terlatih dalam bidang bahasa Arab, oleh itu, guru pendidikan Islam ditugaskan mengajar bahasa Arab.
- vii. guru tidak menggunakan bahasa Arab sepenuhnya semasa mengajar dalam kelas.
- viii. bebanan tugas guru yang banyak hinggakan tidak dapat menumpukan perhatian kepada kelas.
- ix. penggunaan bahasa dan perkataan dalam buku teks tingkatan satu, dua dan tiga agak tinggi, dan tidak sesuai dengan tahap kemampuan pelajar.

2.5 Kesimpulan

Pandangan-pandangan sarjana tentang penguasaan, pemerolehan dan pembelajaran bahasa di kalangan pelajar dapat membantu penulis membuat kajian yang lebih mendalam terhadap penguasaan bahasa Arab. Begitu juga dengan pandangan penyelidik tempatan yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh pelajar untuk menguasai bahasa Arab, akan dapat melengkapkan lagi kajian penulis menerusi tajuknya "*Penguasaan*

Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Tingkatan Tiga".

Oleh kerana kajian mengenai *penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar* belum lagi dijalankan, maka penulis merasakan kajian seperti ini perlu dikaji dengan lebih meluas dan menyeluruh agar ianya dapat membantu semua pihak dalam membentuk teori-teori serta kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang lebih berkesan. Selain daripada itu, kajian ini juga diharapkan dapat mengatasi masalah kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab, khususnya perbendaharaan kata bahasa Arab.



**BAB
TIGA**